

**Timbalan Menteri Besar Kelantan Kesal Laporan Isu Hudud Tidak Tepat  
Bernama  
Mei 16, 2014**

KOTA BAHARU, 16 Mei (Bernama) -- Timbalan Menteri Besar Kelantan Datuk Mohd Amar Nik Abdullah kesal isu hudud di Kelantan mendapat liputan tidak tepat oleh sebuah akhbar berbahasa Cina baru-baru ini yang dianggap menyentuh sensitiviti orang Islam.

Katanya laporan terbabit seolah-olah menggambarkan hukum hudud suatu hukum yang ketinggalan zaman, kejam dan ganas.

"Sebagai orang Islam, kita sensitif dengan hukum hudud kerana ia berkaitan dengan hukum agama.

"Soal mereka tidak bersetuju atau tidak itu hak mereka dan kita tidak mempertikaikannya. Cuma janganlah sampai peringkat mereka memandang rendah dan menghina hukum Islam," katanya selepas menyampaikan Kuliah Jumaat di sini, hari ini.

Mengulas lanjut beliau berkata, gambaran bahawa hukum hudud adalah potong tangan sahaja adalah tidak tepat sebaliknya perlu melihat keseluruhan hukum berkenaan.

Mohamad Amar berkata hukum potong tanganpun perlu difahami syarat-syarat dan kaedah pelaksanaannya.

Tindakan menyebarkan maklumat yang kurang tepat itu disifatkan sebagai satu pendekatan yang tidak bijaksana dalam menjamin keharmonian sebuah masyarakat majmuk, katanya.

Menurutnya kerajaan negeri sentiasa bersedia mengadakan pertemuan dengan mana-mana pihak, pada bila-bila masa bagi memberi penjelasan berhubung hukum hudud.

Sebelum ini, beliau telah mengadakan perbincangan dengan Persatuan Tiong Hwa Malaysia berhubung isu sama.

Hasilnya kerajaan negeri berpuas hati kerana berupaya memberi penjelasan bagi merungkai kebimbangan dan kekeliruan golongan terbabit, katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1038771>